Hoki-ais, bermain polo, lumba kuda, kapal layar, lompatan ski-air, aktiviti dalam air tidak termasuk snorkeling, menggunakan mesin kayu yang berkuasa mekanikal, berlumba (melainkan yang menggunakan kaki), penetap-kelajuan atau terlibat di dalam sebarang ujian kelajuan, ujian ketahanan atau lain-lain ujian kelajuan dan glider dan kembara jalan kaki di kawasan pedalaman melainkan jika menggunakan khidmat pengemudi berlesen

**Perampasan - bermaksud**
rampasan tidak sah dan mengawal pengangkutan awam daripada krew biasa dengan menggunakan atau ugut untuk menggunakan kekerasan

**Rumah – bermaksud**
tempat yang **Anda** biasa tinggal di Malaysia

**Negara Anda – bermaksud**
Malaysia

**Kandungan Isirumah - bermaksud**
perabot, peralatan, perhiasan dan kelengkapan isirumah, pakaian dan barang persendirian kepunyaan **Pihak Diinsuranskan** atau ahli keluarga beliau atau pembantu rumah yang tinggal bersama beliau, tidak termasuk: barang antik, artifak, lukisan, objek seni atau "intrinsic value", semua jenis manuskrip sekuriti kewangan, Wang, setem-setem, dokumen **Perjalanan**, kad kredit, Bon, kupon, instrumen bolehrunding, geran, lessen memandu dan kad pengenalan diri.

**Sakit atau Penyakit - bermaksud**
keadaan fizikal kesan daripada kekurangan patologi daripada keadaan kesihatan normal.

**Kecederaan - bermaksud**
Kecederaan badan yang hanya disebabkan oleh **Kemalangan**

**Insolvensi – bermaksud**
Ketidakupayaan seorang individu atau entiti untuk membayar hutang piutang beliau bila diperlukan dan

menyebabkan operasinya terhenti sepenuhnya samada petisyen kebankrapan difailkan atau tidak dan termasuk melarikan diri bersama wang kepunyaan organisasa oleh tuan punya atau pekerja yang pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan penipuan atau tindakan tidak jujur, atau disiasat dibawah tuduhan sepertinya

**Pelan Pihak Diinsuranskan dan Pasangan - bermaksud**
**Anda** dan **pasangan sah Anda**. Pasangan **Anda** menerima manfaat yang sama dengan **Anda**

**Pihak Diinsuranskan / Anda – bermaksud**

i) Orang yang dinamakan di dalam Sijil Insurans, termasuk keluarga **Pihak Diinsuranskan**/Pemegang Polisi yang dinyatakan.
ii) Orang itu; mestilah rakyat Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia, Pemegang Permit Kerja, dan Pemegang Pas Pekerja ataupun bekerja secara sah di Malaysia, dan
iii) Mesti telah membayar premium berkaitan untuk menikmati perlindungan yang disediakan Polisi ini

**Unit Rawatan Rapi - bermaksud**
satu seksyen dalam hospital yang dikhaskan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital tersebut, dan diselenggara dua puluh empat (24) jam hanya untuk rawatan ke atas pesakit yang kritikal dan dilengkapi untuk memberi perkhidmatan jururawat dan perubatan khas yang tidak didapati dibahagian lain Hospital itu.

**Komputer Riba - bermaksud**
Komputer riba yang lengkap termasuk aksesori atau kelengkapan sebagai peralatan asas dengan komputer riba. Sebarang komputer kendalian tangan atau alatan tidak termasuk dalam kategori ini.

**Pengamal Perubatan / Pakar Bedah – bermaksud**
pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mempraktik perubatan barat dan, dalam memberi rawatan itu, mempraktik dalam skop lesen dan latihan dalam kawasan geografi dibenarkan, tetapi tidak termasuk doktor atau pakar bedah yang juga merupakan **Pihak Diinsuranskan**.

**Pemegang Polisi – bermaksud**
Badan korporat yang disebutkan dalam Jadual Polisi dimana polisi ini dikeluarkan berkaitan dengan perlindungan untuk **Pihak Diinsuranskan**.

**Jadual Polisi – bermaksud**
Satu dokumen yang diberikan kepada Pemegang Polisi atau **Pihak Diinsuranskan** setelah Pemegang Polisi atau **Pihak Diinsuranskan** telah membuat bayaran premium berkaitan yang bertindak sebagai bukti bertulis untuk perlindungan insurans yang diberikan kepada **Pihak Diinsuranskan** dibawah polisi ini.

**Tempoh Insurans – bermaksud**
Berdasarkan seksyen-seksyen yang lain, **Tempoh Insurans** bermula apabila **Anda** meninggalkan **rumah Anda** atau perniagaan di **negara Anda** tidak bermula lebih daripada dua puluh empat (24) jam sebelum jadual berlepas atau tamat lebih daripada dua puluh empat (24) jam selepas jadual ketibaan pulang ke **negara Anda** atau luputnya **Tempoh Insurans** yang dinyatakan dalam jadual, mana yang terdahulu.

Ianya tidak terpakai untuk perlindungan satu hala dimana perlindungan akan terhapus tujuh puluh dua (72) jam setelah ketibaan **Anda** ke destinasi terakhir **Anda** atau luputnya **Tempoh Insurans**, mana yang terdahulu.

Dibawah Seksyen 8 – Pembatalan – insurans bermula secara efektif pada tarikh Sijil Insurans dikeluarkan dan terhapus apabila **Perjalanan** yang dirancang bermula.

**Bagasi peribadi – bermaksud**
setiap beg baju **Anda**, pakaian dan kontena yang sepertinya dan kandungannya dan barang yang dipakai atau dibawa oleh **Anda** termasuk **barang-barang berharga** semasa **Perjalanan**.

**Wang peribadi – bermaksud**
nota-nota bank dan matawang, wang tunai, cek, wang pos dan wang kiriman, setem pos semasa, cek kembara, kupon atau baucer yang mempunyai nilai wang dan tiket **Perjalanan**, semuanya disimpan untuk kegunaan peribadi **Anda** ketika **Anda** bukan berada di **rumah Anda**, dan semasa berada di dalam simpanan **Anda** setiap masa melainkan jika disimpan di peti simpanan hotel.

**Polisi - bermaksud**
Polisi Utama yang mengandungi terma-terma dan syarat-syarat diserahkan dengan Ejen Pelancong yang menguruskan Insurans **Perjalanan Anda**.

**Keadaan Sedia-Ada - bermaksud**
sebarang **penyakit/ ketidakupayaan** yang diketahui oleh **Pihak Diinsuranskan**. Pemegang polisi akan dianggap mengetahui keadaan sedia-ada dimana keadaan itu;

i) **Pihak Diinsuranskan** telah atau sedang menerima rawatan
ii) nasihat perubatan, dignosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan
iii) tanda-tanda yang jelas telah atau sedang dialami; atau
iv) kewujudannya amat ketara kepada seseorang.

**Perkhidmatan Pengangkutan Awam - bermaksud**
mana-mana bas atau teksi atau khidmat berjadual yang berlesen, sebarang orang awam boleh menaiki pada hentian yang dikenalpasti sebagai penumpang membayar tambang.

**Kawasan - bermaksud**
**Kawasan 1 (a)**
Malaysia (Timur ke Barat atau sebaliknya)
**Kawasan 1 (b)**
Australia, Bangladesh, Brunei, Cambodia, China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Macau, Myanmar (Burma), Nepal, New Zealand, Philippines, Singapura, Korea Selatan, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam
**Kawasan 2**
Seluruh dunia tidak termasuk Amerika Syarikat dan Kanada

**Kawasan 3**
Seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat dan Kanada
**Negara yang DIkecualikan - bermaksud**
Israel dan Negara-negara yang diisytiharkan perang

**Rompakan - bermaksud**
Akan membawa maksud yang sama seperti dibawah Seksyen 390 Kod Penal Malaysia, i.e. tindakan Merompak atau cubaan untuk Merompak dimana untuk melakukan Rompakan, i.e. melakukan Rompakan, atau sedang melarikan atau percubaan untuk melarikan hartabenda yang diperolehi melalui Rompakan, pelaku, dalam menjayakan tujuan itu, dengan sengaja menyebabkan atau bertujuan menyebabkan kematian seseorang, atau mencederakan, atau hampir menyebabkan kematian atau mati serta merta, atau cedera serta merta, atau tersilap kawal diri.

**RM – bermaksud**
Adalah denominasi yang digunakan untuk matawang Malaysia, yang juga merupakan singkatan untuk "Ringgit Malaysia".

**Pengangkutan berjadual – bermaksud**
kapal terbang, keretapi atau kapal laut yang berjadual dimana syarikat pengangkutan udara, keretapi dan kapal laut tersebut berdaftar dengan badan-badan yang berkenaan di negara dimana kapal terbang, keretapi atau kapal laut tersebut berdaftar dan punya sijil, lessen atau kebenaran yang sepertinya untuk **pengangkutan berjadual** dan berdasarkan dengan kebenaran tersebut, menyediakan dan menerbitkan jadual dan tarif untuk khidmat penumpang yang kerap dan pada masa yang ditetapkan diantara lapangan terbang, stesen keretapi dan pelabuhan.

**Keadaan Perubatan Serius – bermaksud**
satu keadaan di mana di dalam pendapat **Syarikat** atau wakil yang dibenarkan membentuk satu perubatan kecemasan yang serius atau mengancam nyawa yang memerlukan pemindahan serta merta untuk mendapatkan rawatan pemulihan segera untuk mengelak kematian atau merosakkan dengan serius prospek kesihatan jangka pendek atau panjang bagi **Pihak Diinsuranskan**. Tahap serius keadaan perubatan itu akan diadili dalam konteks lokasi geografi **Pihak Diinsuranskan** dan terdapatnya penjagaan atau kemudahan perubatan setempat yang berpatutan.

**Ejen Pelancong - bermaksud**
Ejen Pelancong di Malaysia, termasuk mana-mana subsidiari/rakan niaga luar Negara atau sub-ejen tempatan atau sub-kontraktor untuk Ejen Pelancong yang berdaftar dan dilesenkan di Negara berkenaan dimana mereka berada.

**Teman Perjalanan - bermaksud**
seseorang yang membuat tempahan **Perjalanan** untuk menemani **Pihak Diinsuranskan** untuk keseluruhan **Perjalanan** yang bukan merupakan Keluarga **Pihak Diinsuranskan**

**Perjalanan - bermaksud**
Tempoh diantara bermulanya insurans dan tamat tempohnya.

**Berharga - bermaksud**
Item yang terdiri daripada logam berharga atau batu berharga, barang kemas, jam tangan, bulu binatang, artikel emas dan perak, kamera (termasuk digital) dan aksesorinya, binokular dan komputer riba.

**Kami / Kita / Syarikat / RHB Insurance - bermaksud**
RHB Insurance Berhad

## KAWASAN GEOGRAFI

| | |
|---|---|
| **Domestik / Ke-Dalam Negara** | Malaysia sahaja |
| **Kawasan 1 (a)** | Malaysia (Timur ke Barat atau sebaliknya) |
| **Kawasan 1 (b)** | Australia, Bangladesh, Brunei, Cambodia, China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Macau, Myanmar (Burma), Nepal, New Zealand, Philippines, Singapura, Korea Selatan, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam |
| **Kawasan 2** | Seluruh dunia tidak termasuk Amerika Syarikat dan Kanada |
| **Kawasan 3** | Seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat dan Kanada |
| **Negara-negara yang dikecualikan** | Israel dan mana-mana Negara yang diisytiharkan perang |

**Tidak termasuk **Perjalanan** di dalam Malaysia untuk Kawasan 2 dan Kawasan 3

## SYARAT-SYARAT AM

**Kenyataan Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013**
Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan **Anda**, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

**Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas

kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

**Kami** akan bertindak dengan niat baik di dalam segala urusan dengan **Anda**. Begitu jua, pembayaran tuntutan yang berlaku di Kawasan Geografi terpilih di dalam **Tempoh Insurans** adalah bergantung kepada:

1. **Anda mengikuti perkara berikut**:
   a) Mengambil langkah berjaga-jaga yang biasa dan secukupnya untuk melindungi daripada **kemalangan**, **kecederaan**, kerugian atau kerosakan, seperti insurans ini tidak berkuatkuasa.
   b) Melaporkan kepada **Kami** secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh pulang ke **rumah Anda**, laporan terperinci untuk sebarang kejadian, yang mungkin mengakibatkan tuntutan dibuat dibawah Polisi ini.
   c) Menyerahkan Sijil Insurans semasa membuat tuntutan.
   d) Menyampaikan kepada **Kami** sebaik sahaja diterima, sebarang writ, saman, proses undang-undang atau lain-lain komunikasi berkaitan dengan tuntutan tersebut.
   e) Memberikan segala maklumat yang perlu dan bantuan yang **Kami** perlukan atas perbelanjaan **Anda** (termasuk bila perlu pengesahan perubatan dan insurans isirumah terperinci **Anda**).
   f) Tidak menerima liabiliti atau membuat sebarang tawaran atau berjanji untuk membayar tanpa kebenaran **Kami**.
   g) Memberi notis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam kepada pihak Polis diatas sebarang kerugian atau kecurian atau kepada syarikat pengangkutan apabila kerugian atau kerosakan berlaku ketika dalam transit. Untuk kedua-dua kes, satu borang laporan perlu diambil daripada Polis atau syarikat pengangkutan dan diberikan kepada **Kami**.
   h) Tidak meninggalkan sebarang harta kepada **Kami**.
   i) Mendapatkan nasihat perubatan samada mengambil **Perjalanan** itu adalah dinasihati atau tidak apabila **Anda** telah menerima rawatan perubatan di **hospital** sebagai pesakit yang diwadkan dalam tempoh 6 bulan sebelum **Perjalanan** itu ditempah.
   j) Tidak mengikuti **Perjalanan** yang melanggar nasihat perubatan atau dengan tujuan untuk mendapatkan rawatan perubatan.
   k) Tidak menerima "terminal prognosis" daripada pengamal perubatan yang berdaftar sebelum tarikh Sijil Insurans dikeluarkan.
   l) Tidak menunggu rawatan perubatan sebagai pesakit dalam wad di **hospital** pada tarikh Sijil Insurans dikeluarkan.
   m) Menderita sebarang keadaan tidak stabil yang telah didiagnos terlebih awal.
   n) Tiada pengubahan dan/atau tambahan kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi yang bercetak adalah sah melainkan ditandatangan di pejabat **Kami** oleh pekerja yang diberikuasa oleh **Syarikat**.

2. **Anda mengiktiraf hak-hak Kami untuk:**
   a) Mengelakkan membayar tuntutan yang melanggar undang-undang.
   b) Mengambil-alih dan menguruskan dibawah nama **Anda** untuk mempertahankan atau membayar tuntutan yang dibuat dibawah Polisi ini.
   c) Menerima bayaran dibawah nama **Anda** tetapi kosnya ditanggung oleh **Kami** untuk mendapatkan semula untuk manfaat **Kami** jumlah sebarang bayaran yang telah dibuat dibawah Polisi ini.
   d) Tidak dipertanggungjawabkan untuk tuntutan yang sama dibawah lebih daripada satu Sijil Insurans **Perjalanan** dan/atau polisi untuk **Anda** yang sama berkaitan dengan **Tempoh Insurans** sama yang dikeluarkan oleh **RHB Insurance Berhad**.
   e) Membatalkan segala manfaat yang disediakan oleh Polisi ini tanpa membayar balik sebarang premium apabila bayaran dibuat untuk pembatalan atau **pemendekkan Perjalanan**.
   f) Hanya membayar sebahagian daripada tuntutan dimana terdapat lain-lain insurans berkuatkuasa yang melindungi risiko yang sama, dan untuk mendapatkan maklumat terperinci lain- lain insurans tersebut, tidak termasuk manfaat dibawah Seksyen 1.
   g) Tidak membayar balik premium setelah Polisi dikeluarkan
   h) Membatalkan semua perlindungan dibawah Polisi ini serta merta sekiranya tuntutan tersebut tidak amanah atau ditokok tambah dalam apa cara sekalipun dan **Kami** berhak untuk memberitahu polis tentang tuntutan yang sedemikian rupa.
   i) Dibawah Seksyen 3, Manfaat 1(a)
   Membuat keputusan jika keadaan kesihatan **Anda** adalah cukup serius untuk Pengalihan Segera Perubatan Kecemasan. Pihak **Syarikat** atau penasihat perubatannya akan juga memutuskan tempat untuk **Anda** tadi dialihkan dengan segera dan cara dimana pengalihan segera tersebut akan dilakukan, berdasarkan segala fakta-fakta yang diketahui dan situasi dimana pihak **Syarikat** menyedari pada waktu berkenaan.

## PENGECUALIAN AM

1. **Kami** tidak akan membayar untuk sebarang penurunan oleh, atau kehilangan atau kerosakan keatas harta, atau sebarang liabiliti yang disahkan, **kecederaan, penyakit**, kematian atau perbelanjaan yang disebabkan oleh, atau akibat daripada:
   a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara, pemberontakan, revolusi, keganasan, kebangkitan pihak tentera atau kuasa lain, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan.

b) Tindakan keganasan
Adalah dipersetujui bahawa, tidak mengambilkira apa-apa faktor, Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian dalam apa jua cara yang disebabkan atau diakibatkan oleh tindakan keganasan yang melibatkan penggunaan atau pembebasan atau ancaman oleh mana-mana senjata nuklear atau peranti atau bahan kimia atau agen biologi.Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.
c) Penglibatan **Anda** di dalam rusuhan atau kekacauan awam, penyekatan masuk kerja atau ugutan kepada kejadian-kejadian tersebut.
d) HIV dan/atau sebarang **penyakit** berkaitan HIV termasuk AIDS walau apapun puncanya dan/atau sebarang peralatan yang membawa perubahan diri, variasi atau rawatan berkaitan walau apapun puncanya.
e) Kelewatan, perampasan, penahanan, kerosakan, kemusnahan atau sebarang peraturan yang dilarang oleh Kastam atau lain- lain Pegawai atau pihak berkuasa Kerajaan mana-mana Negara.
f) Radiasi atau pencemaran radioaktif daripada bahan buangan nuklear atau pembakaran bahan api nuklear.
g) Letupan toksik radioaktif atau lain-lain harta merbahaya oleh sebab sebarang letupan peralatan nuklear atau komponen nuklear tersebut

**2. Kami tidak akan membayar untuk:**
a) Sebarang kerugian nyata melainkan jika dinyatakan di dalam Polisi
b) Sebarang kerugian yang disebabkan oleh pertukaran matawang untuk apa-apa dan setiap keadaan
c) Tuntutan yang berkaitan dengan bayi yang berumur kurang daripada lima puluh (15) hari dan orang yang berumur melebihi lapan puluh (80) tahun.
d) sebarang bayaran yang **Anda** biasanya akan membayar sewaktu **Perjalanan Anda**, jika tiada perkara tidak diingini berlaku.

3. Dibawah setiap Sekyen 1, 2, 3, 8 dan 9, **Kami** tidak akan membayar untuk sebarang keadaan yang disebabkan oleh:
a) **Anda** menaiki kapal terbang (selain daripada kapal terbang yang dilesenkan sepenuhnya untuk membawa penumpang)
**b)** ubat-ubatan, dimana pada masa berlepas telah diketahui ianya diperlukan atau perlu disambung pengambilannya di luar **negara Anda**
c) rawatan atau perkhidmatan yang disediakan oleh spa kesihatan, "convalescent" atau rumah rawatan atau pusat pemulihan
d) **Anda** menerima rawatan sebagai pesakit dalam wad atau berada di dalam senarai menunggu untuk rawatan dalam wad.
e) **Anda** menerima "terminal prognosis"
f) **Anda** memang melakukan **Perjalanan** di sebalik nasihat **pengamal perubatan** yang melarang atau bercadang mendapatkan rawatan semasa melakukan **Perjalanan**
g) **Anda** membunuh diri, melakukan **kecederaan** diri atau secara rela mendedahkan diri **Anda** kepada bahaya (selain daripada percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia)
h) **Anda** berada dibawah pengaruh dadah atau lain-lain penyalahgunaan (selain daripada apa yang telah diberikan oleh **pengamal perubatan** tetapi bukan untuk tujuan rawatan untuk ketagihan dadah.
i) "solvent abuse"
j) **Anda** berada dibawah pengaruh alcohol atau minuman keras yang memabukkan
k) **Anda** melibatkan diri di dalam aktiviti yang merbahaya
l) sebarang akibat daripada rawatan berkaitan dengan mengandung, melahirkan anak, keguguran atau "menopause"
m) keadaan yang wujud terlebih dahulu
n) pembedahan kosmetik
o) pemeriksaan perubatan yang tidak berbentuk kecemasan
p) kegagalan mendapatkan vaksin yang perlu sebelum berlepas
q) **penyakit** atau keadaan psikologi yang tidak menentu, "nervous depressions", sebarang keadaan yang tidak stabil dan / atau "nervous depressions", penyakit mental
r) menaiki motosikal (sebagai penunggang atau pembonceng)
s) sebarang kerugian nyata yang tidak dinyatakan di dalam Polisi ini

4. Dibawah setiap Seksyen-seksyen 2, 3, 4, 7, 8, 9, 11 dan 15, amaun dimana **Kami** tidak akan menanggung liabiliti untuk setiap tuntutan adalah terhad kepada dua kali **Amaun Lebihan** dalam jumlah terkumpul dimana satu kejadian berkaitan dengan dua atau lebih **ahli keluarga** yang diinsuranskan dibawah Polisi ini.

**SEKSYEN 1 – FAEDAH KEMALANGAN DIRI**

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Sehingga jumlah yang diinsuranskan bagi kecederaan tubuh yang **Anda** alami dan disebabkan sepenuhnya oleh kekejaman, kemalangan, punca-punca luaran dan nyata berlaku dalam tempoh satu tahun dari tarikh berlakunya kejadian dan ia bebas dan hanya mengakibatkan manfaat yang tertera dibawah:

| | |
|---|---|
| Manfaat 1 | Kematian |
| Manfaat 2 | Kehilangan keseluruhan dan kekal penglihatan bagi satu atau kedua-dua mata, kehilangan kedua- dua tangan atau kaki atau kehilangan penggunaan bagi satu atau kedua-dua tangan dan kaki |

| | |
|---|---|
| Manfaat 3 | Kecacatan keseluruhan dan kekal yang menghalang **Anda** daripada diambil bekerja. |

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**
**Dibawah Manfaat 1**
Lebih daripada 25% Jumlah Diinsuranskan yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti lampiran apabila umur **Anda** 19 tahun atau kurang
**Dibawah Manfaat 1 hingga 3**
a) lebih daripada satu manfaat yang diakibatkan oleh **kecederaan** yang sama
b) **kecederaan** akibat daripada pekerjaan manual yang berkaitan dengan sebarang perniagaan, pekerjaan dan profesion

**SEKSYEN 2 – PERBELANJAAN PERUBATAN DAN LAIN-LAIN**

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Untuk perbelanjaan perlu yang terlibat dibawah yang wujud dalam **Tempoh Insurans** yang menyebabkan tuntutan dibuat akibat daripada kematian **Anda**, **kecederaan** badan atau **penyakit** ketika **Perjalanan** di luar **negara Anda** melainkan untuk rawatan lanjutan.

**Manfaat 1 – Perbelanjaan Perubatan dan Lain-lain**
Membayar sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti lampiran untuk fi yang berpatutan atau caj-caj atau perbelanjaan untuk:
a) ubat-ubatan, pembedahan, hospital, rumah rawatan atau khidmat rawatan
b) rawatan pergigian kecemasan untuk menghilangkan kesakitan yang muncul secara tiba-tiba atau rawatan untuk kerosakan kepada gigi asli yang awalnya tidak rosak dengan syarat kerosakan itu disebabkan hanya oleh kecederaan

**Manfaat 2 – Rawatan Selepas Penghospitalan Sehingga 30 Hari**
Pembayaran untuk perbelanjaan perubatan susulan yang timbul selepas kepulangan **Anda** daripada **Perjalanan Anda** ke **negara kediaman Anda** adalah terhad kepada RM30,000. Walau bagaimanapun, tiada yang perlu dibayar untuk perbelanjaan yang berlaku lebih daripada 30 hari.

**Manfaat 3 – Penjagaan Kanak-kanak**
Membayar sehingga seperti manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti lampiran untuk tambahan penginapan yang sesuai dan perbelanjaan **Perjalanan** dan tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi oleh seorang **ahli keluarga** terdekat untuk menjaga dan/atau menemani anak-anak **Anda**, tidak melebihi dua belas (12) tahun, pulang ke **rumah Anda**, mereka ditinggal tanpa jagaan kerana **Anda** terpaksa masuk **hospital** mendapatkan rawatan.

**Manfaat 4 – Penjagaan / Lawatan Ehsan**
Membayar sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti lampiran untuk tambahan penginapan yang sesuai dan perbelanjaan **Perjalanan** dan tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi oleh seorang ahli keluarga terdekat yang diperlukan untuk membuat **Perjalanan** ke tempat **Anda** atau bersama-sama **Anda** dan kekal bersama **Anda** di atas nasihat perubatan pakar yang memberi rawatan, akibat daripada **Anda** terpaksa dimasukkan ke hospital untuk lebih daripada lima (5) hari berturut-turut.

**Manfaat 5 – Tunai Harian Hospital Sehingga 30 Hari**
Membayar sehingga manfaat yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti lampiran untuk setiap hari **Anda** dimasukkan ke hospital dan sebagai pesakit dalam wad semasa tempoh **Perjalanan** itu di atas fid atau caj atau perbelanjaan yang dibayar dibawah Seksyen 2, Manfaat 1 diatas sehingga maksima tiga puluh (30) hari.

**Manfaat 6 – Tunai Harian Hospital Kecemasan Sehingga 30 Hari**
Membayar sehingga manfaat yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti lampiran untuk setiap hari **Anda** dimasukkan ke hospital dalam Unit Jagaan Rapi (ICU) semasa tempoh **Perjalanan** itu di atas fid atau caj atau perbelanjaan yang dibayar dibawah Seksyen 2, Manfaat 1 diatas sehingga maksima 30 hari.

**Manfaat 7 – Rawatan Alternatif**
Membayar sehingga manfaat yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti lampiran untuk perbelanjaan yang timbul disebabkan rawatan pengamal perubatan tradisional, osteopath, fisioterapi dan/atau kiropraktor. Manfaat ini tidak termasuk rawatan yang dilakukan oleh seseorang yang juga merupakan **Pihak Diinsuranskan** atau Ahli Keluarga Terdekat **Anda**.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk:**
**Dibawah Manfaat 1**
a) fi atau caj-caj untuk membaik pulih atau peruntukan untuk pergigian atau gigi palsu
b) sebarang kerja pergigian yang melibatkan penggunaan logam berharga dimana puncanya adalah disebabkan oleh kerosakan akibat daripada penggunaan normal atau pemeliharaan normal untuk kesihatan gigi
c) penjagaan "opththalmological", kacamata, kanta sentuh dan alat bantuan pendengaran atau perubatan untuk perkara- perkara tersebut
d) RM50.00 yang pertama untuk setiap dan semua tuntutan

**Dibawah Manfaat 1 hingga 7**
a) fi atau caj-caj atau perbelanjaan yang timbul daripada pekerjaan secara manual yang berkaitan dengan sebarang perniagaan, pekerjaan dan profesion

**Dibawah Manfaat 1,2,3,4 dan 7**
a) RM50.00 pertama untuk setiap dan semua insiden yang menyebabkan tuntutan dibuat

**SEKSYEN 3 – PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN DAN PENGHANTARAN PULANG MAYAT**

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**

**Manfaat 1a – Pemindahan Perubatan Kecemasan**
Pembayaran sehingga manfaat dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti dilampirkan untuk fi atau caj-caj atau perbelanjaan yang berpatutan untuk pemindahan perubatan kecemasan termasuk pengangkutan udara dan/atau darat, penjagaan perubatan semasa pengangkutan, komunikasi dan semua perkhidmatan yang diperlukan untuk memindahkan **Anda** yang punya Keadaan Perubatan Serius ke hospital terdekat dimana perubatan sepatutnya boleh didapati, dan tidak semestinya ke kawasan kediaman. **Kami** tidak akan membayar untuk memindahkan **Anda** daripada Kawasan Kediaman ke destinasi asing.

**Anda** mesti menghubungi Penyedia Bantuan untuk mendapatkan kebenaran untuk sebarang pemindahan dan untuk menguruskan pengangkutan yang diperlukan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tuntutan untuk kos tersebut tidak sah.

**Manfaat 1b – Penghantaran Pulang Kecemasan**
Pembayaran sehingga manfaat dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti dilampirkan untuk fi atau caj-caj atau perbelanjaan yang berpatutan untuk;

a) Penghantaran pulang kecemasan perubatan **Anda** ke Kediaman akibat daripada Pemindahan Kecemasan Perubatan untuk kemasukan seterusnya ke hospital dalam Malaysia. Penyedia Bantuan akan menguruskan keperluan komunikasi dan linguistik, peralatan perubatan mudah alih dan krew escort perubatan.
b) Penghantaran pulang mayat sekiranya **Anda** meninggal dunia akibat daripada Keadaan yang Dilindungi semasa **Perjalanan** beliau, Penyedia Bantuan akan menguruskan pengangkutan untuk mayat **Anda** dihantar ke Negara Asal beliau atau jika diminta oleh keluarga **Anda**, menguruskan pengkebumian di lokasi berlakunya kematian, tertakluk kepada sebarang undang-undang kerajaan.

Tertakluk kepada kelulusan RHB Insurans, Penyedia Bantuan berhak menentukan cara bagaimana penghantaran pulang akan dilakukan berdasarkan semua fakta dan keadaan yang mana Penyedia Bantuan sedia ketahui pada masa tersebut.

Pembayaran maksima untuk Manfaat 1a dan Manfaat 1b adalah sehingga amaun yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti dilampirkan.

RHB Insurance hanya akan membayar Penghantaran Pulang atau Pemindahan Perubatan Kecemasan yang dianggap perlu dan sesuai dan munasabah.

**Manfaat 2 – Perbelanjaan Pengkebumian**
**Kami** akan membayar sejumlah RM5,000 untuk manfaat perbelanjaan pengkebumian jika **Anda** meninggal dunia disebabkan Keadaan yang Dilindungi semasa **Perjalanan** beliau. Sekiranya **Anda** dilindungi dibawah "Pelan **Pihak Diinsuranskan** bersama Pasangan" atau "Pelan Keluarga", manfaat maksima dibawah manfaat ini HANYA sehingga RM5,000 satu keluarga.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk:**

a) Fi atau caj-caj atau perbelanjaan untuk pengkebumian atau pembakaran mayat **Anda** dalam kawasan **Anda**
b) RM50 pertama untuk setiap kejadian yang menyebabkan berlakunya tuntutan

## SEKSYEN 4 – BAGASI DAN BARANG-BARANG PERIBADI

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
**Manfaat 1 – Bagasi dan Barang-barang Peribadi**
Sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** dilampirkan untuk bagasi dan **barang-barang peribadi Anda** (termasuk pakaian yang dipakai) akibat daripada dicuri atau percubaan mencuri atau kerosakan kepada atau kehilangan **bagasi** dan barang-barang peribadi **Anda** oleh **syarikat pengangkutan** ditolak dengan pengurangan oleh sebab kegunaan biasa, susut nilai atau sebarang pampasan yang dibayar samada oleh syarikat pengangkutan atau lain-lain pihak. Bagasi dan barang-barang peribadi tersebut perlulah hak milik **Anda** dan bersama **Anda** dan termasuk beg sut, pakaian mandi, bagasi tangan dan bekas sepertinya termasuk kandungan. Semua **barang-barang berharga** hanya akan dilindungi jika berlaku kecurian hanya jika dibawa bersama-sama **Anda** atau disimpan dengan dan berada dibawah jagaan pihak hotel.

**Manfaat 2 – Kerosakan atau Kehilangan Komputer Riba**
Gantian semula untuk Komputer Riba akibat kerosakan atau kehilangan hanya terpakai untuk **Pelan Advance** dan **Pelan Supreme**

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk**

1. sebarang kejadian yang disebabkan oleh:
   a) RM50 pertama untuk setiap dan semua insiden yang mengakibatkan timbulnya sesuatu tuntutan.
   b) Lebih daripada RM500 untuk setiap artikel, sepasang atau satu set artikel
   c) Lebih daripada manfaat dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti dilampirkan
   d) Lebih daripada bahagian untuk jumlah artikel yang membentuk sepasang atau set jika berlaku kehilangan atau kerosakan
2. kehilangan atau kerosakan kepada:
   a) Haiwan
   b) Bon-bon, setem, document pengenalan diri, kad kredit dan kad bayaran, dokumen **Perjalanan**, wang tunai, saham, instrument boleh niaga dan sekuriti atau dokumen-dokumen yang sepertinya
   c) Kanta sentuh atau kanta kornea, kacamata, alat bantuan pendengaran, anggota badan palsu, gigi palsu atau "dental bridges" atau "dentures"
   d) Sebarang jenis kosmetik
   e) Filem, pita, kaset, "cartridge" atau cakera
   f) Bahan-bahan kegunaan harian atau botol-botol atau sebarang kerosakan yang berlaku akibat daripada barangan tersebut
   g) Basikal, kerusi roda, prem, kerusi tolak atau kereta

bayi selain daripada semasa sedang menggunakan perkhidmatan kenderaan awam dan syarikat pengangkutan yang mengangkutnya

h) harta yang telah diinsuranskan secara khusus
i) **barang-barang berharga** kecuali jika dibawa bersama-sama **Anda** atau disimpan dalam simpanan hotel atau peti keselamatan hotel.
**j) wang peribadi**
k) artikel mudah pecah, alat-alat muzik, ukiran atau barangan isirumah akibat retak, calar atau pecah
l) telefon mudah alih, alat kelui, peralatan computer mudah alih (selain daripada computer riba), termasuk pembantu digital peribadi dan aksesori dan peralatan untuk merakam bunyi dan / atau gambar dan aksesorinya
m) peralatan sukan semasa digunakan akibat kerosakan

3. kerugian atau kerosakan disebabkan perubahan cuaca atau keadaan iklim, kegunaan atau susutnilai, ulat atau serangga, penyusutan berkala, kerosakan mekanikal atau elektrikal atau "derangement", peralatan dalaman
4. kehilangan atau kerosakan kepada **bagasi peribadi** semasa tidak berada di tempat tinggal semasa **Perjalanan Anda** melainkan ia sentiasa berada bersama **Anda**
5. kehilangan atau kerosakan kerana kecurian oleh kenderaan yang tidak dijaga melainkan ia tidak di dalam penglihatan **Anda** seluruhnya, di dalam bonet kereta yang berkunci dan tingkap bertutup dan terdapat bukti nyata kemasukan secara paksa
6. kehilangan atau kerosakan akibat daripada kecuaian **Anda** sendiri
7. kehilangan misteri
8. kehilangan atau kerosakan di mana **Anda** telah mendapat gantian atau pampasan samada daripada syarikat pengangkutan atau pihak lain
9. kehilangan yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa dalam tempoh dua puluh empat (24) daripada tarikh disedari

## SEKSYEN 5 – KELEWATAN BAGASI

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
RM200 untuk setiap enam (6) jam berturut-turut dari tempoh **Anda** tiba ke destinasi **Perjalanan**, sekiranya bagasi daftar- masuk selain dokumen semasa perjalanannya terlewat kecuali tuntutan yang tidak diberitahu kepada **Pengangkutan Am** yang diberi kuasa untuk menerima laporan seperti itu, sebaik sahaja **Anda** menyedari kelewatan bagasi, dan/atau jumlah keseluruhan kepada manfaat dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti dilampirkan, yang mana lebih rendah.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk:**

a) tuntutan yang tidak diberitahu kepada **syarikat pengangkutan** jika bagasi **Anda** lewat atau hilang
b) kehilangan atau kelewatan di mana **Anda** telah mendapat gantian atau pampasan daripada syarikat pengangkutan atau pihak lain
c) sebarang belian yang dibuat setelah **Anda** menerima bagasi **Anda** daripada syarikat pengangkutan
d) kelewatan bagasi yang berlaku semasa **Perjalanan** pulang ke **negara Anda**
e) tuntutan yang dibuat dibawah Seksyen ini jika tuntutan telah dibuat dibawah Seksyen 4 polisi ini

## SEKSYEN 6 - WANG PERIBADI

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Sehingga manfaat dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti dilampirkan untuk kehilangan wang peribadi **Anda** secara tidak sengaja semasa di dalam **Perjalanan Anda** dengan syarat kehilangan itu dilaporkan kepada pihak polis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam daripada insiden.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk:**

1. kehilangan oleh
   a) atau kecurian wang peribadi yang tidak dijaga di tempat awam atau akibat daripada kegagalan **Anda** untuk menjaga atau mengambil langkah berjaga-jaga untuk keselamatan wang tersebut
   b) wang peribadi daripada kenderaan yang tidak dijaga melainkan dijaga dan disimpan di dalam bonet yang dikunci atau "glove compartment" kereta tersebut yang berkunci dan tidak berada pada jarak penglihatan **Anda** dan bukti nyata kemasukan secara paksaan
   c) wang peribadi di dalam beg pakaian sementara transit melalui udara atau kapal laut atau keretapi dan diluar kawalan **Anda**
   d) wang peribadi di dalam pakaian **Anda** atau jaket yang dibiarkan tidak berjaga di tempat awam atau sementara transit melalui udara atau kapal laut atau keretapi dan diluar kawalan **Anda**
   e) cek-cek kembara dimana pihak bank memberi perkhidmatan mengganti balik
   f) atau kerosakan semasa berada dibawah simpanan sebuah pengangkut udara atau lain-lain syarikat pengangkutan, kecuali jika dilaporkan serta merta sebaik menyedarinya dan untuk kes berkaitan pengangkut udara, laporan "property irregularity" diterima.
2. kekurangan disebabkan oleh kesilapan, ketinggalan, pertukaran atau susutnilai
3. kehilangan misteri

## SEKSYEN 7 – DOKUMEN PERJALANAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Sehingga manfaat yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti dilampirkan untuk tambahan penginapan yang berpatutan, perbelanjaan **Perjalanan** dan komunikasi yang perlu untuk mendapatkan gantian untuk pasport **Anda** yang hilang atau visa dan/atau dokumen **Perjalanan** luar Negara semasa **Perjalanan Anda** dengan syarat **Anda** telah mengambil langkah berjaga-jaga yang sepatutnya untuk keselamatan dan sebarang kehilangan mestilah dilaporkan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas menyedarinya

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk:**

1. RM50 pertama untuk setiap dan semua insiden yang mengakibatkan timbulnya sesuatu tuntutan
2. kehilangan oleh
   a) atau kecurian dokumen **Perjalanan** yang tidak dijaga di tempat awam atau akibat daripada kegagalan **Anda** untuk menjaga atau mengambil langkah berjaga-jaga untuk keselamatan dokumen **Perjalanan** tersebut
   b) dokumen **Perjalanan** di dalam beg pakaian sementara transit dan diluar kawalan **Anda**
   c) dokumen **Perjalanan** di dalam pakaian **Anda** atau jaket yang dibiarkan tidak berjaga di tempat awam atau sementara transit dan diluar kawalan **Anda**
   d) atau kerosakan semasa berada dibawah simpanan sebuah pengangkut udara atau lain-lain syarikat pengangkutan, kecuali jika dilaporkan serta merta sebaik menyedarinya dan untuk kes berkaitan pengangkut udara, laporan "property irregularity" diterima.
   e) sebarang perbelanjaan tambahan untuk mendapatkan gantian untuk pasport dan dokumen **Perjalanan** yang hilang di negara **Anda**
3. kehilangan misteri

## SEKSYEN 8 – PEMBATALAN PERJALANAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**

Sehingga manfaat dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti dilampirkan untuk kerugian penginapan peribadi atau caj-caj **pengangkutan** dan perbelanjaan **Perjalanan** tambahan dibayar atau perlu bayar mengikut kontrak oleh atau untuk **Anda** dan hilang caj-caj tempahan awal untuk melancong prabayar di **negara Anda** oleh atau untuk **Anda** yang tidak boleh diperolehi semula daripada sumber yang lain jika **Perjalanan Anda** terpaksa dibatalkan semasa berlepas.

Manfaat di atas perlu dibayar jika berlakunya perkara berikut:

a) pembatalan akibat daripada kematian **Anda** atau kematian mana-mana **ahli keluarga** terdekat
b) pembatalan akibat **Anda** atau mana-mana **ahli keluarga** terdekat **Anda** dimasukkan ke **hospital** kerana **kecederaan** tubuh badan atau **penyakit** serius
c) pembatalan akibat daripada kematian teman **Perjalanan Anda** yang didaftarkan untuk **Perjalanan** tersebut bersama- sama **Anda** dan adalah juga **Pihak Diinsuranskan** dan namanya terdapat di dalam Borang Cadangan dan Sijil Insurans
d) pembatalan akibat teman **Perjalanan Anda** yang berdaftar untuk **Perjalanan** tersebut bersama **Anda** dan merupakan **Pihak Diinsuranskan** dan namanya terdapat di dalam Borang Cadangan dan Sijil Insurans dimasukkan ke hospital kerana kecederaan tubuh badan atau penyakit serius
e) pembatalan akibat daripada **rumah Anda** tidak boleh didiami lagi kerana kebakaran, ribut atau banjir atau kemusnahan semulajadi yang seumpamanya seperti gempa bumi, taufan atau tonado

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk:**

1. RM50 pertama untuk setiap dan semua insiden yang mengakibatkan timbulnya sesuatu tuntutan
2. sebarang kejadian yang disebabkan oleh:
   a) kegagalan **Anda** untuk mendapatkan paspot atau visa yang perlu
   b) sebarang keperluan kerajaan, undang-undang atau akta
   c) kelewatan yang berpunca daripada syarikat pengangkutan atau penjadualan semula di **negara Anda** atau kelewatan berlepas pada bila-bila masa di dalam atau diluar **negara Anda** semasa **Perjalanan** jika **Anda** memilih untuk tidak meneruskan **Perjalanan** itu
   d) tindakan, kelewatan atau perubahan kepada program yang telah ditempah atau kegagalan untuk menyediakan mana- mana bahagian **Perjalanan** yang ditempah itu termasuk kesilapan, ketinggalan atau kesalahan oleh pemberi khidmat **pengangkutan** atau penginapan atau ejen- ejen mereka atau sesiapa yang bertindak sebagai ejen **Anda** untuk sebarang perkhidmatan yang membentuk sebahagian daripada percutian yang ditempah atau penginapan serta untuk ejen tersebut atau operator pelancongan dimana percutian itu telah ditempah
   e) **Anda** menguruskan **Perjalanan Anda** menggunakan ejen pelancong tidak berlesen
   f) kegagalan kenderaan **Anda** sendiri
   g) keadaan kewangan **Anda**
   h) **Anda** kurang berminat untuk melancong atau **Anda** hilang keseronokan terhadap **Perjalanan** tersebut
   i) keadaan cuaca melainkan cuaca yang benar-benar buruk di **negara Anda** yang menghalang **Anda** untuk pergi ke lapangan terbang atau pelabuhan pada masa ditetapkan untuk menaiki kapal terbang atau kapal laut.
3. sebarang kerugian jika insurans ini dibeli dalam tempoh tiga (3) hari sebelum berlepas (termasuk tarikh berlepas) kecuali pembatalan disebabkan oleh kematian **Anda** atau kematian mana-mana **ahli keluarga** terdekat atau **teman Perjalanan Anda** akibat kemalangan.

## SEKSYEN 9 – PEMENDEKKAN PERJALANAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**

Sehingga manfaat dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti dilampirkan untuk pembayaran balik untuk **Perjalanan Anda** yang tidak digunakan dan tidak boleh dibayar balik dengan bahagian hari berbayar yang tidak **Anda** gunakan atau perlu bayar mengikut kontrak oleh **Anda** atau untuk **Anda** di **negara Anda** disebabkan kejadian yang perlu dan pembatalan yang tidak dapat dielakkan oleh **Anda** akibat daripada sebab yang diluar kawalan **Anda** berlaku sewaktu **Perjalanan Anda**. Pembayaran balik untuk penginapan akan mengikut setiap hari **Perjalanan** yang tidak **Anda** lalui. Pembahagian perbelanjaan **Perjalanan** akan dibayar balik hanya jika **Anda** tidak boleh menggunakan tiket

pulang dan **Anda** tidak menuntut perbelanjaan **Perjalanan** pulang dibawah Seksyen- seksyen lain polisi ini.

**Manfaat-manfaat di atas perlu dibayar jika berlaku perkara berikut:**

a) **pemendekkan** disebabkan oleh kematian **Anda** atau kemasukan **Anda** ke **hospital** untuk tempoh **Perjalanan Anda** disebabkan oleh **kecederaan** tubuh badan atau **penyakit**
b) **pemendekkan** disebabkan oleh kematian mengejut mana-mana **ahli keluarga** terdekat **Anda** yang berada di **negara Anda**
c) **pemendekkan** disebabkan oleh **penyakit** yang tidak disangka atau **kemalangan** oleh mana-mana **ahli keluarga** terdekat **Anda** yang berada di **negara Anda**, yang memerlukan kemasukan ke **hospital** untuk tempoh lebih daripada 48 jam
d) **pemendekkan** disebabkan kematian teman **Perjalanan Anda** semasa tempoh **Perjalanan** yang berdaftar untuk **Perjalanan** tersebut bersama **Anda** dan merupakan **Pihak Diinsuranskan** dan namanya terdapat di dalam Borang Cadangan dan Sijil Insurans atau dimasukkan ke **hospital** kerana **kecederaan** tubuh badan atau **penyakit** serius

Jika berlaku **pemendekkan**, pampasan untuk caj-caj prabayar yang tidak boleh diperolehi semula atau perbelanjaan akan dikira berdasarkan setiap hari yang lengkap daripada tarikh pulang ke **negara Anda** kepada jadual pulang seperti tertera pada inbois tempahan.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk:**

1. RM50 pertama untuk sebarang kerugian, caj atau perbelanjaan timbul mengikut setiap dan semua tuntutan dibawah Seksyen ini
2. sebarang kejadian yang disebabkan oleh:
   a) kegagalan **Anda** untuk mendapatkan paspot atau visa yang perlu
   b) sebarang keperluan kerajaan, undang-undang atau akta
   c) kelewatan yang berpunca daripada syarikat pengangkutan atau penjadualan semula di **negara Anda** atau kelewatan berlepas pada bila-bila masa di dalam atau diluar **negara Anda** semasa **Perjalanan** jika **Anda** memilih untuk tidak meneruskan **Perjalanan** itu
   d) tindakan, kelewatan atau perubahan kepada program yang telah ditempah atau kegagalan untuk menyediakan mana-mana bahagian **Perjalanan** yang ditempah itu termasuk kesilapan, ketinggalan atau kesalahan oleh pemberi khidmat **pengangkutan** atau penginapan atau ejen-ejen mereka atau sesiapa yang bertindak sebagai ejen **Anda** untuk sebarang perkhidmatan yang membentuk sebahagian daripada percutian yang ditempah atau penginapan serta untuk ejen tersebut atau operator pelancongan dimana percutian itu telah ditempah
   e) **Anda** menguruskan **Perjalanan Anda** menggunakan ejen pelancong tidak berlesen
   f) kegagalan kenderaan **Anda** sendiri
   g) keadaan kewangan **Anda**
   h) **Anda** kurang berminat untuk melancong atau **Anda** hilang keseronokan terhadap **Perjalanan** tersebut
   i) keadaan cuaca melainkan cuaca yang benar-benar buruk di **negara Anda** yang menghalang **Anda** untuk pergi ke lapangan terbang atau pelabuhan pada masa ditetapkan untuk menaiki kapal terbang atau kapal laut.

## SEKSYEN 10 – PENANGGUHAN PERJALANAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
RM200 untuk setiap enam (6) jam penuh kelewatan dan/atau jumlah manfaat seperti dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti dilampirkan, mana yang lebih rendah, sebagai pampasan jika jadual kapal terbang, keretapi, atau kapal laut yang **Anda** tempah lewat untuk berlepas untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) jam pada mana satu destinasi perhentian (termasuk transit) daripada masa yang ditentukan untuk pengangkut atau program **Perjalanan** operator pelancongan semasa **Perjalanan Anda** daripada **negara Anda** atau pulang ke **rumah Anda** akibat daripada tunjuk perasaan atau tindakan industri, keadaan cuaca yang tidak mengizinkan atau kegagalan mekanikal kapal terbang, keretapi atau kapal laut.

Perlindungan dibawah Seksyen ini hanya boleh dipakai untuk pengangkut yang berjadual, dimana **Anda** telah tetapkan mengikut undang-undang dan peraturan **pengangkutan**.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk:**

1. sebarang kejadian yang disebabkan oleh:
   a) kegagalan **Anda** untuk daftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan mengikut program **Perjalanan** yang diberi kepada **Anda**
   b) kelewatan **Anda** tiba ke lapangan terbang, stesen atau pelabuhan setelah daftar masuk atau tempahan pada masa ditetapkan (selain daripada lewat tiba kerana tindakan industri)
   c) terlepas sambungan pengangkut disebabkan oleh kelewatan padamana satu destinasi perhentian (termasuk transit)
   d) pampasan melainkan jika **Anda** mempunyai persetujuan bertulis daripada syarikat pengangkutan, keretapi atau syarikat perkapalan atau ejen-ejen mereka yang menguruskan menunjukkan jadual masa berlepas dan masa berlepas sebenar kapal terbang, **Perjalanan** atau pelayaran
   e) kelewatan **Perjalanan** akibat daripada mogok atau tindakan industri, yang bermula atau diumumkan sebelum pembelian insurans
   f) Kegagalan perkhidmatan **pengangkutan** awam akibat daripada mogok atau tindakan industri, yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh berlepas daripada rumah **Anda**

Polisi ini akan hanya membayar satu tuntutan yang dibuat

samada manfaat dibawah Seksyen 10, Seksyen 14 atau Seksyen 17.

## SEKSYEN 11 – TERLEPAS PERJALANAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Sehingga manfaat dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti dilampirkan untuk tambahan penginapan dan perbelanjaan perbelanjaan yang perlu dan wajar yang timbul semasa tempoh awal **Anda** berlepas dari **rumah Anda** atau tempat perniagaan di **negara Anda** (mana lebih lewat) disebabkan oleh kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam menghantar **Anda** ke pelabuhan berlepas, lapangan terbang atau stesen keretapi seperti tertera di jadual tiket **Anda**.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk:**

1. RM50 pertama untuk setiap dan semua insiden yang mengakibatkan timbulnya sesuatu tuntutan
2. sebarang kejadian yang disebabkan oleh:
   a) kegagalan **Anda** selain daripada kegagalan perkhidmatan **pengangkutan** awam untuk daftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan mengikut program **Perjalanan** yang diberi kepada **Anda**
   b) kelewatan **Anda** tiba ke lapangan terbang, stesen atau pelabuhan setelah daftar masuk atau tempahan pada masa ditetapkan (selain daripada lewat tiba kerana kegagalan perkhidmatan **pengangkutan** awam)
   c) terlepas sambungan untuk sebarang jenis pengangkut disebabkan oleh kelewatan pada mana satu destinasi perhentian
   d) kegagalan perkhidmatan **pengangkutan** awam akibat daripada mogok atau tindakan industri, yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh berlepas daripada **rumah Anda**

## SEKSYEN 12 – LIABILITI PERIBADI

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Sehingga RM1,000,000 termasuk kos yang dipersetujui secara bertulis diantara kita, dimana **Anda** perlu bayar mengikut perundangan disebabkan kecuaian **Anda** akibat daripada:

a) **kecederaan** tidak disengajakan ke atas tubuh badan, sakit atau **penyakit** oleh sesiapa pun
b) kerugian tidak disengajakan atau kerosakan harta yang bukan milik **Anda** dan juga bukan dibawah tanggungjawab atau dibawah kawalan **Anda** atau mana-mana **ahli keluarga** terdekat
c) kerugian tidak disengajakan atau kerosakan kepada penginapan semasa **Perjalanan** yang bukan milik **Anda** atau mana-mana **ahli keluarga** terdekat yang berlaku semasa **Tempoh Insurans**

Sebagai tambahan kepada yang di atas, **Kami** akan membayar sehingga RM50,000 sebagai kos dan perbelanjaan untuk tuntutan proses undang- undang oleh seorang pembuat tuntutan terhadap **Anda** atau timbul daripada **Anda** dengan kebenaran bertulis **Kami** dimana **Anda** secara perundangan perlu membayarnya

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar untuk:**

1. sebarang liabiliti untuk kerugian atau kerosakan ke atas harta atau kecederaan, sakit atau penyakit:
   a) dialami oleh sesiapa dibawah Kontrak Perkhidmatan dengan **Anda** atau **ahli keluarga** dan berlakunya akibat daripada kerja yang sepatutnya mereka lakukan sebagai pekerja
   b) kepada mana-mana **ahli keluarga**
   c) berlaku kerana tindakan yang disengajakan atau dikecualikan
   d) sebarang tindakan yang disengajakan, berniat jahat atau tidak mengikut undang-undang oleh **Anda** atau ahli keluarga
   e) berlaku kerana pekerjaan, profesion atau perniagaan **Anda** sendiri atau **ahli keluarga**
   f) berlaku kerana hakmilik, penjagaan, pemeliharaan atau kawalan **Anda** ke atas mana-mana haiwan
   g) dimana pengecualian diberikan dibawah sebarang insurans **Anda** dengan perjanjian, dimana tidak sepatutnya ada, jika perjanjian itu tiada
2. pampasan atau kos-kos lain yang timbul daripada kemalangan yang melibatkan:
   a) sebarang tanah atau bangunan atau kegunaan oleh atau bagi pihak **Anda** selain daripada penginapan sementara **Anda** semasa **Perjalanan**
   b) harta kepunyaan atau diamanahkan atau diuruskan atau dibawah kawalan **Anda** atau **ahli keluarga**
   c) kenderaan yang digerakkan secara mekanikal dan sebarang trailer yang disambungkan
   d) kapal terbang, kenderaan air bermotor atau kapal layar
3. Pengadilan yang tidak terdapat dalam insurans pertama dihantar oleh atau diperolehi daripada sebuah mahkamah yang mempunyai kuasa di Malaysia

## SEKSYEN 13 – KESULITAN AKIBAT RAMPASAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
RM1,000 untuk setiap dua puluh empat (24) jam dan/atau jumlah maksima RM3,000 keseluruhan, yang mana lebih rendah, pampasan jika **pengangkutan** berjadual yang **Anda** naiki semasa **Perjalanan Anda** itu dirampas.

## SEKSYEN 14 – PENERBANGAN LEBIH TEMPAHAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Jika **Anda** tidak dibenarkan menaiki kapalterbang komersial yang berjadual semasa **Perjalanan Anda** disebabkan oleh terlebih-tempahan dan tiada pilihan Pengangkutan yang diberikan dalam tempoh enam (6) jam berturut-turut daripada jadual asal masa pelepasan seperti yang dicetak pada itenari, **Kami** akan membayar RM500 untuk setiap enam (6) jam lewat berturut-turut dan sehingga manfaat dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti dilampirkan, mana yang lebih rendah kecuali:

a) **Perjalanan** yang diuruskan melalui ejen **Perjalanan** tidak berlesen
b) Ketiadaan pengesahan bertulis daripadan Syarikat Pengangkutan atau ejen pengendalinya yang

menunjukkan tiket itu terlebih ditempah

Polisi ini hanya akan membayar untuk satu tuntutan dibuat samada dibawah manfaat Seksyen 10, Seksyen 14 atau Seksyen 17.

## SEKSYEN 15 – PENANGGUHAN PERJALANAN

Jika **Perjalanan Pihak Diinsuranskan** ditangguh akibat daripada sebarang sebab daripada (a) ke (e) yang dinyatakan di dalam Seksyen ini, Syarikat akan membayar semula kos untuk menempah semula yang dicajkan oleh syarikat penerbangan dan/atau Ejen **Perjalanan** sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** seperti dilampirkan.

Manfaat di atas akan dibayar jika berlaku kejadian berikut:

a) pembatalan yang disebabkan kematian **Anda** atau kematian mana-mana **ahli keluarga** terdekat **Anda**
b) pembatalan yang disebabkan kemasukan **Anda** atau **ahli keluarga** ke hospital akibat kecederaan badan atau penyakit serius
c) pembatalan yang disebabkan kematian teman **Perjalanan Anda** yang telah berdaftar untuk **Perjalanan** bersama-sama **Anda** dan nama tersebut telah dimasukkan dalam Borang Cadangan dan Sijil Insurans
d) pembatalan yang disebabkan kemasukan **teman Perjalanan Anda** ke hospital akibat kecederaan badan atau penyakit dengan syarat beliau berdaftar untuk **Perjalanan** bersama-sama **Anda** dan adalah **Pihak Diinsuranskan** dan nama beliau telah dimasukkan dalam Borang Cadangan dan Sijil Insurans
e) pembatalan yang disebabkan rumah **Anda** tidak sesuai untuk didiami akibat kebakaran, rebut atau banjir atau malapetaka semulajadi seperti gempa bumi, taufan atau tornado.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**

1. RM50 yang pertama untuk setiap kejadian yang mengakibatkan tuntutan dibuat
2. sebarang kejadian yang disebabkan oleh:
   a) kegagalan **Anda** untuk mendapatkan pasport atau visa
   b) mana-mana keperluan, undang-undang atau akta kerajaan
   c) kelewatan disebabkan oleh **syarikat pengangkutan** atau penjadualan semula dalam **negara kediaman Anda** semasa **Perjalanan** itu jika **Anda** memilih untuk tidak mengikuti **Perjalanan** itu.
   d) akta, lewat atau perubahan kepada itenari yang ditempah atau kegagalan dalam peruntukan sebarang **Perjalanan** yang ditempah termasuk kesilapan, dikeluarkan atau "default" oleh pengangkutan dan pemberi khidmat tempat tinggal atau ejen mereka atau sesiapa yang bertindak sebagai ejen **Anda** untuk sebarang khidmat menjadi sebahagian daripada cuti yang telah ditempah juga untuk ejen atau operator pelancong yang melalui beliau percutian atau tempat tinggal ditempah
   e) **Anda** menguruskan **Perjalanan Anda** melalui ejen pelancong yang tidak berlesen
   f) kegagalan kenderaan **Anda**
   g) keadaan kewangan **Anda**
   h) **Anda** tidak mahu melancung atau **Anda** hilang keseronokan melakukan **Perjalanan** itu
   i) keadaan cuaca melainkan keadaan cuaca yang amat tidak sesuai dalam kawasan **Anda**, yang menghalang **Anda** daripada sampai ke lapangan terbang atau pelabuhan dalam masa ditetapkan untuk menaiki pesawat atau kapal
3. sebarang kerugian jika insurans ini dibeli dalam tempoh tiga (3) hari sebelum berlepas (termasuk tarikh berlepas) kecuali pembatalan disebabkan oleh kematian **Anda** atau kematian mana-mana **ahli keluarga** terdekat atau **teman Perjalanan Anda** akibat kemalangan.

## SEKSYEN 16 – KEHILANGAN WANG PENDAHULUAN AKIBAT KEGAGALAN EJEN PERJALANAN

Jika **Perjalanan** atau **Perjalanan Domestik Anda** dibatalkan akibat daripada insolvensi:

a) syarikat penerbangan; atau
b) syarikat perkapalan; atau
c) operator pelancongan; atau
d) Ejen **Perjalanan** dimana **Anda** telah membeli tiket untuk **Perjalanan**

**Kami** akan membayar untuk kerugian atau deposit **Perjalanan** yang tidak boleh diperolehi semula atau tambang **Perjalanan** yang telah dibayar sehingga amaun yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat seperti dilampirkan.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**
untuk sebarang kerugian:

a) disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh sebarang undang-undang atau kawalan kerajaan;
b) disebabkan oleh pembatalan oleh syarikat penerbangan, perkapalan, operator **Perjalanan**, atau Ejen Pelancong berkaitan dengan **Perjalanan** atau **Perjalanan** Domestik yang telah dirancang;
c) yang telah dilindungi oleh sebarang skim insurans sedia ada atau program kerajaan;
d) yang akan dibayar atau dipulangkan semula oleh hotel, syarikat penerbangan, skim pampasan industri, Ejen Pelancong atau lain-lain perkhidmatan **Perjalanan** atau penyedia tempat tinggal;
e) Insolvensi yang berlaku, atau petition untuk bankrapsi telah difailkan sebelum tarikh efektif polisi ini; atau
f) disebabkan oleh kegagalan mana-mana syarikat penerbangan, perkapalan, operator **Perjalanan** atau Ejen **Perjalanan**, seseorang atau agensi yang menyediakan urusan **Perjalanan** untuk sebab-sebab selain daripada insolvensi

Jika pelan keluarga diambil, jumlah liabiliti Syarikat tidak akan melebihi 300% daripada manfaat ini.

## SEKSYEN 17 – PERJALANAN TERGENDALA

Jika itenari **Perjalanan Pihak Diinsuranskan** terdapat penyambungan **Perjalanan** kehadapan dan ini terlepas pada titik penyambungan akibat daripada pengangkutan tersebut lewat tiba dan tidak ada pengangkutan yang bersedia untuk tempoh enam jam berturut-turut Syarikat akan membayar **Anda** amaun yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat kecuali untuk;

a) **Perjalanan** yang diuruskan melalui ejen **Perjalanan** tidak berlesen

Polisi ini hanya akan membayar untuk satu tuntutan yang dibuat samada dibawah Seksyen 10, Seksyen 14 atau Seksyen 17.

## SEKSYEN 18 – PEMBAYARAN BALIK KAD KREDIT

Apabila, disebabkan oleh Kemalangan yang berlaku semasa **Perjalanan** atau **Perjalanan** Domestik beliau, **Anda** meninggal dunia atau menderita Ketidakupayaan Kekal dalam masa tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari Tarikh Kerugian/Kemalangan, Syarikat akan membayar **Anda** perbelanjaan kad kredit yang belum dibayar yang berlaku semasa **Perjalanan** atau **Perjalanan** Domestik (tolak sebarang bayaran tertunggak daripada bulan-bulan sebelum bermulanya **Perjalanan**) dibuat oleh **Anda** semasa **Perjalanan** atau **Perjalanan** Domestik sehingga amaun dinyatakan dalam Jadual Manfaat yang dinyatakan dalam Seksyen 16 oleh Jadual Manfaat seperti dilampirkan.

## SEKSYEN 19 – PERLINDUNGAN ISI RUMAH

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar:**
Jika kediaman **Anda** telah dirompak semasa **Perjalanan** beliau dan mengakibatkan kerugian atau kerosakan kepada item peralatan dalam rumah **Syarikat** akan membayar pampasan manfaat seperti dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** yang dilampirkan.

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami tidak akan membayar:**
Insurans ini tidak termasuk mana-mana satu daripada kejadian atau keadaan berikut. **Anda** akan, bila diperlukan, dan keadaan terdahulu untuk sebarang liabiliti Syarikat, membuktikan bahawa kerugian tidak timbul dibawah atau melalui mana-mana satu pengecualian dinyatakan dibawah;

a) sebarang keruhian atau kerosakan berlaku melalui tindakan sukarela **Anda** atau dengan penglibatan **Anda**
b) kerugian (samada sementara atau kekal) terhadap hartanah **Anda** atau sebahagian daripadanya disebabkan oleh rampasan, permintaan, penahanan atau pendudukan sah atau tidak sah ke atas hartanah itu atau sebarang premis, kenderaan atau sesuatu yang mengandungi perkara sama oleh penguatkuasa kerajaan.
c) peralatan fotografi sukan dan alat muzik dan aksesori yang digunakan untuk perniagaan atau professional
d) sebarang jenis kerugian atau kerosakan utama
e) penggunaan untuk perniagaan atau profesional berkaitan dengan peralatan fotografi dan sukan dan aksesori dan alatan muzik.
f) kenderaan bermotor, bot, ternakan, basikal dan sebarang peralatan atau aksesori yang berkaitan
g) kehilangan atau kerosakan yang diinsuranskan dibawah mana- mana polisi insurans, atau dibayar oleh mana-mana pihak lain

## SEKSYEN 20 – PERKHIDMATAN PERUBATAN KECEMASAN

**Kami** telah melantik Penyedia Bantuan untuk menyediakan Perkhidmatan Bantuan Perubatan Kecemasan berikut yang diterangkan di bawah berasaskan rujukan atau penyeliaan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

RHB Insurance dan Penyedia Bantuan tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerugian tidak langsung yang dialami oleh **Anda** akibat perkhidmatan yang diberikan oleh Penyedia Bantuan.

Penyedia Bantuan akan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat polisi, menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut kepada **Anda** apabila membuat panggilan kepada Penyedia Bantuan.

**1. Bantuan Domestik (Perubatan)**

1.1. Rujukan Penyedia Perkhidmatan Perubatan
Penyedia Bantuan akan memberikan kepada **Anda**, atas permintaan, nama, alamat, nombor telefon dan, jika ada, waktu pejabat bagi pakar perubatan, hospital, klinik, doktor gigi dan klinik gigi (secara kolektif "Penyedia Perkhidmatan Perubatan"). Penyedia Bantuan tidak akan bertanggungjawab untuk memberikan diagnosis atau rawatan perubatan. Walaupun Penyedia Bantuan akan memberikan rujukan tersebut, ianya tidak menjamin kualiti syarikat penyedia perkhidmatan perubatan tersebut dan pemilihan terakhir sesuatu syarikat penyedia perkhidmatan perubatan tersebut tersebut adalah keputusan **Anda**. Walaubagaimanapun, Penyedia Bantuan akan menggunakan ketelitian dan ketekunan dalam memilih syarikat penyedia perkhidmatan perubatan tersebut.

**1.2. Jaminan untuk Perbelanjaan Perubatan untuk Kemasukan Hospital**
Penyedia Bantuan akan, apabila diberikuasa oleh RHB Insurance, memberi jaminan bagi **Anda** perbelanjaan perubatan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat semasa tempoh kemasukan ke hospital di Malaysia

**1.3. Pemindahan Kecemasan Perubatan**
Penyedia Bantuan akan menguruskan untuk pengangkutan udara dan/atau darat, dan komunikasi untuk membawa **Anda** ke hospital terdekat dimana rawatan perubatan yang sepatutnya disediakan. Penyedia Bantuan akan menguruskan keperluan komunikasi dan linguistik, peralatan perubatan mudah alih dan krew escort perubatan.

**1.4. Urusan Penghantaran Pulang Kecemasan Perubatan**

Penyedia Bantuan akan menguruskan untuk **Anda** penghantaran pulang ke Malaysia atau tempat **Anda** menetap berikutan Pemindahan Kecemasan Perubatan dan kemasukan hospital di dalam Malaysia. Penyedia Bantuan akan menguruskan keperluan komunikasi dan linguistik, peralatan perubatan mudah alih dan krew escort perubatan

Perkhidmatan di atas (item 1.1) adalah hanya berasaskan rujukan sahaja. Penyedia Bantuan dan RHB Insurance tidak akan bertanggungjawab kepada sebarang perbelanjaan pihak ketiga, yang akan menjadi tanggungjawab penuh **Anda** tersebut.

**2. Bantuan Domestik (Perjalanan)**

**2.1. Rujukan Guaman**

Penyedia Bantuan akan memberikan nama, alamat dan nombor telefon dan waktu pejabat bagi peguam-peguam dan pengamal undang-undang. Penyedia Bantuan tidak akan memberi sebarang nasihat undang-undang. Walaupun Penyedia Bantuan akan memberi rujukan-rujukan tersebut, ia tidak boleh menjamin kualiti perkhidmatan dan juga pemilihan itu adalah menjadi keputusan **Anda**. Bagaimanapun, Penyedia Bantuan akan bertindak dengan penuh berhati-hati dan berhemat di dalam memilih pemberi perkhidmatan tersebut.

**2.2. Transmisi Pesanan Kecemasan**

Jika berlaku kecemasan atau kemasukan ke hospital, Penyedia Bantuan akan memberitahu keluarga terdekat **Anda**. Perkhidmatan di atas (item 2.1 dan 2.2) hanyalah sebagai rujukan sahaja. Penyedia Bantuan dan RHB Insurance tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang perbelanjaan pihak ketiga, yang akan hanya menjadi tanggungjawab **Anda**.

**3. Bantuan Antarabangsa (Perubatan)**

**3.1. Nasihat Perubatan Melalui Telefon**

Penyedia Bantuan akan menguruskan untuk mendapatkan nasihat perubatan kepada **Anda** melalui telefon.

**3.2. Rujukan Penyedia Perkhidmatan Perubatan**

Penyedia Bantuan akan memberikan **Anda**, atas permintaan, nama, alamat, nombor telefon dan, jika ada, waktu pejabat bagi pakar perubatan, hospital, klinik, doktor gigi dan klinik gigi (secara kolektif "Penyedia Perkhidmatan Perubatan"). Penyedia Bantuan tidak akan bertanggungjawab untuk memberikan diagnosis atau rawatan perubatan. Walaupun Penyedia Bantuan akan memberikan rujukan tersebut, ianya tidak menjamin kualiti syarikat penyedia perkhidmatan perubatan tersebut dan pemilihan terakhir sesuatu syarikat penyedia perkhidmatan perubatan tersebut tersebut adalah keputusan **Anda**. Walaubagaimanapun, Penyedia Bantuan akan menggunakan ketelitian dan ketekunan dalam memilih syarikat penyedia perkhidmatan perubatan tersebut.

**3.3. Penghantaran Ubat Penting**

Penyedia Bantuan akan menguruskan untuk menghantar kepada **Anda** ubat, dadah dan bekalan perubatan penting yang perlu untuk penjagaan dan/atau rawatan **Anda** tetapi bagi yang tidak didapati di lokasi **Anda**. Penghantaran ubat, dadah dan bekalan perubatan tersebut akan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang digunapakai di tempat itu. Penyedia Bantuan tidak akan membuat pembayaran bagi kos ubat, dadah atau bekalan perubatan dan sebarang kos penghantarannya.

**3.4. Jaminan Perbelanjaan Perubatan Semasa Kemasukan ke Hospital**

Penyedia Bantuan akan apabila diberi kuasa oleh RHB Insurance, menjamin bagi **Anda** untuk perbelanjaan perubatan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat yang terjadi semasa beliau dimasukkan ke hospital diluar Malaysia

**3.5. Urusan Pemindahan Kecemasan Perubatan**

Penyedia Bantuan akan menguruskan untuk pengangkutan udara dan/atau darat, penjagaan perubatan semasa **Perjalanan**, komunikasi dan semua perkhidmatan biasa yang diperlukan untuk membawa **Anda** ke hospital terdekat dimana rawatan perubatan yang sepatutnya disediakan. Penyedia Bantuan akan menguruskan keperluan komunikasi dan linguistik, peralatan perubatan mudah alih dan krew escort perubatan.

**3.6. Urusan Penghantaran Pulang Kecemasan Perubatan**

Penyedia Bantuan akan menguruskan untuk penghantaran pulang **Anda** ke Kediaman beliau berikutan Pemindahan Kecemasan Perubatan untuk kemasukan ke hospital di Malaysia. Penyedia Bantuan akan menguruskan keperluan komunikasi dan linguistik, peralatan perubatan mudah alih dan krew escort perubatan.

**3.7. Urusan Penghantaran Pulang Mayat**

Penyedia Bantuan akan menguruskan pengangkutan untuk menghantar pulang mayat **Anda** ke Negara Asal, jika diminta oleh ahli keluarga **Anda**, menguruskan pengkebumian di tempat berlakunya kematian, tertakluk kepada sebarang peraturan kerajaan.

**3.8. Urusan Lawatan Bersimpati**

Penyedia Bantuan akan menguruskan satu penerbangan pergi balik ekonomi untuk seorang ahli keluarga terdekat atau rakan **Anda** yang ingin menemani **Anda**, yang mana semasa melakukan **Perjalanan** seorang diri, telah dimasukkan ke hospital di luar Negara Asal beliau.

**3.9. Urusan untuk Penghantaran Pulang Kanak-kanak**

Penyedia Bantuan akan menguruskan satu penerbangan ekonomi satu hala untuk membawa pulang anak **Anda** (bawah umur) ke Tempat Kediaman jika mereka tidak dijaga akibat daripada penyakit, kemalangan atau Pemindahan Perubatan Kecemasan **Anda**. Escort akan disediakan jika diminta.

Perkhidmatan di atas (item 3.1 dan 3.3) adalah semata-mata atas dasar rujukan sahaja. Penyedia Bantuan dan RHB Insurance tidak akan bertanggungjawab bagi perbelanjaan pihak ketiga, yang hanya akan menjadi tanggungjawab **Anda** sepenuhnya.

**4. Perjalanan Antarabangsa (Perjalanan)**

**4.1 Maklumat Inokulasi dan Visa**

Penyedia Bantuan akan menyediakan maklumat berkenaan visa dan inokulasi untuk Negara asing, keperluan-keperluan tersebut dinyatakan dari masa ke semasa di dalam edisi terkini publikasi Organisasi Kesihatan Dunia "Publikasi Keperluan Vaksinasi Disahkan dan Organisasi Kesihatan", "Keperluan Vaksinasi Disahkan dan Nasihat Kesihatan untuk **Perjalanan** Antarabangsa" (untuk inokulasi) dan "Panduan ABC untuk Maklumat **Perjalanan** Antarabangsa" (untuk visa). Maklumat ini akan diberikan kepada **Anda** dari masa ke semasa, samada **Anda** itu melancong atau tidak atau berlakunya kecemasan. Penyedia Bantuan akan memberitahu **Anda** yang meminta maklumat tersebut bahawa Penyedia Bantuan hanya berkomunikasi tentang keperluan-keperluan yang dinyatakan dalam dokumen dan Penyedia Bantuan akan menamakan dokumen itu.

**4.2 Rujukan Penterjemah**

Penyedia Bantuan akan memberikan nama, nombor telefon dan, jika boleh dan diminta, waktu pejabat perterjemah di negara-negara asing dibuka. Walaupun Penyedia Bantuan akan memberi rujukan-rujukan tersebut, ia tidak boleh menjamin kualiti perkhidmatan dan juga pemilihan penterjemah adalah menjadi keputusan **Anda**. Bagaimanapun, Penyedia Bantuan akan bertindak dengan penuh berhati-hati dan berhemat di dalam memilih pemberi perkhidmatan tersebut.

**4.3 Bantuan Kehilangan Bagasi**

Penyedia Bantuan akan membantu **Anda** yang telah kehilangan bagasi semasa membuat **Perjalanan** ke luar Malaysia Kediaman dengan merujuk **Anda** kepada pihak berkuasa berkenaan

**4.4 Rujukan Guaman**

Penyedia Bantuan akan memberikan nama, alamat dan nombor telefon dan jika ada waktu pejabat bagi peguam-peguam dan pengamal undang-undang. Walaupun Penyedia Bantuan akan memberi rujukan-rujukan tersebut, ia tidak boleh menjamin kualiti perkhidmatan dan juga pemilihan itu adalah menjadi keputusan **Anda**. Bagaimanapun, Penyedia Bantuan akan bertindak dengan penuh berhati-hati dan berhemat di dalam memilih pemberi perkhidmatan tersebut.

**4.5 Pengurusan Jaminan Bon**

Penyedia Bantuan akan menguruskan bon jaminan untuk perlepasan bersyarat **Anda** daripada kesalahan bukan jenayah apabila membuat **Perjalanan** ke luar **Negara**. Peruntukan jaminan kewangan ini adalah tertakluk kepada penerimaan oleh Penyedia Bantuan pembayaran pertama daripada kad kredit **Anda** atau daripada dana yang diperolehi daripada **ahli keluarga** terdekat **Anda**. **Anda** akan bertanggungjawab terhadap lain-lain perbelanjaan berkaitan.

**4.6 Penyampaian Pesanan Kecemasan**

Sekiranya berlaku sesuatu kecemasan atau penahanan di hospital, Penyedia Bantuan akan menjalankan tugas untuk sentiasa mempastikan ahli keluarga terdekat **Anda** diberitahu.

Perkhidmatan di atas (item 4.1 ke 4.6) adalah semata-mata atas dasar rujukan atau persediaan. Penyedia Bantuan dan RHB Insurance tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang perbelanjaan pihak ketiga yang akan menjadi tanggungjawab **Anda**.

## SEKSYEN 21 - KEGANASAN

**Untuk setiap Pihak Diinsuranskan Kami akan membayar;**

Dengan mengambil kira Pengecualian Am 1a, insurans dibawah Polisi ini diluaskan untuk melindungi keganasan kecuali serangan pengganas menggunakan senjata kima biologi atau nuclear yang memudaratkan atau penyertaan **Anda** dalam tindakan keganasan sehingga had dinyatakan dalam Seksyen berkenaan di Polisi ini tetapi bukanlah Had Liabiliti ini melebihi RM1,000,000.

## PENGENDORSAN

(termasuk sebahagian daripda Polisi ini)

**1. LANJUTAN TEMPOH INSURANS SECARA AUTOMATIK**

Jika akibat daripada kematian **Anda**, kecederaan atau penyakit atau bagi sesiapa yang melakukan **Perjalanan** dengan **Anda**, atau disebabkan kelewatan atau gangguan perkhidmatan pengangkutan awam yang diluar kawalan **Anda**, **Anda** tidak dapat melengkapkan **Perjalanan Anda** sebelum tamat tempoh insurans ini, Tempoh Insurans akan dilanjutkan secara automatik tanpa sebarang premium tambahan untuk tambahan hari yang perlu tetapi sehingga:

a) Empat belas (14) hari jika sebarang kenderaan, kapal laut atau kapal terbang dimana **Anda** melakukan **Perjalanan** sebagai seorang pemegang tiket.

b) Tiga puluh (30) hari jika **Perjalanan** pulang sepatutnya tidak dapat dilakukan kerana and mendapat **kecederaan** badan atau **penyakit** akibat oleh sebab yang dilindungi dibawah Polisi ini.

**2. TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN**

Adalah penting dan syarat teristimewa bagi kontrak ini bahawa premium perlu bayar mestilah dibayar dan diterima oleh **Kami** sebelum perlindungan bermula.

**3. FASAL PENGENALPASTIAN TARIKH (TANPA FASAL KEKECUALIAN)**

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini telah dipinda seperti berikut :-

A. **Kami** tidak akan membayar apa-apa kerugian dan kerosakan termasuk kehilangan penggunaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal atau sebarang kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data,

media mikrocip, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), sirkit integrasi atau peralatan sepertinya, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Pihak Diinsuranskan atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, pada atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:

i. mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar;
ii. marakam, menyimpan, mengekalkan dan/ atau mengendali dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dari mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh kalendar sebenar dan/atau;
iii. merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dari operasi apa-apa arahan yang telah diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.

B. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa **Kami** tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubah suai mana- mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peralatan dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam A di atas.

C. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa **Kami** tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk hilang penggunaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, atau apa- apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat,perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh Pihak Diinsurans atau untuk Pihak Diinsurans atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam A di atas.

D. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa **Kami** tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalendar sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki. Kerugian atau kerosakan atau apa-apa kerugian turutan yang dirujuk dalam A, B, C dan D di atas, adalah dikecualikan tidak mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

Selainnya tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Polisi ini.

**4. FASAL SIBER**

Polisi ini tidak boleh dipohon kepada dan terutamanya tidak termasuk kehilangan atas mana-mana sebab secara langsung atau tidak langsung, yang timbul, atau yang terkandung, secara keseluruhan atau dalam bahagian :

a) penggunaan atau salahguna Internet atau kemudahan yang sama;
b) mana-mana penyiaran data elektronik atau maklumat lain;
c) mana-mana virus komputer, ulat, bom logik, kuda Trojan atau masalah yang berkaitan;
d) penggunaan dan salahguna mana-mana alamat Internet, Laman Web atau kemudahan yang berkaitan dengannya;
e) apa-apa data atau maklumat lain yang disampaikan ke dalam Laman Web atau kemudahan yang berkaitan dengannya;
f) apa-apa data yang hilang atau rosak dari mana-mana sistem komputer, termasuk dan tidak terhad kepada peralatan atau perisian komputer.
g) berfungsi atau tidaknya Internet atau kemudahan yang sama dengannya, atau mana-mana alamat Internet, Laman Web atau kemudahan yang sepertinya atau
h) mana-mana kesalahan, sama ada yang membawa maksud atau tidak, ke atas mana-mana harta hakcipta terpelihara (termasuk tetapi tidak dihadkan kepada cap, hakcipta atau paten).

Selainnya tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Polisi ini.

## JADUAL MANFAAT – INSURANS PERLINDUNGAN PERJALANAN TAMBAHAN

| MANFAAT | Domestik RM | Advance (Luar Negara) RM | Supreme (Luar Negara) RM |
|---|---|---|---|
| **SEKSYEN 1 – Faedah Kemalangan Diri**<br>1. Kematian kemalangan<br>2. Kehilangan keseluruhan dan kekal penglihatan bagi satu atau kedua-dua mata, kehilangan kedua-dua tangan atau kaki atau kehilangan penggunaan bagi satu atau kedua-dua tangan atau kaki<br>3. Hilang upaya kekal dan menyeluruh akibat menjalankan | 100,000* | 200,000* | 300,000* |

| | | | |
|---|---|---|---|
| pekerjaan atau sepertinya | | | |
| **SEKSYEN 2 – Perbelanjaan Perubatan dan Lain-lain** | | | |
| 1. Perbelanjaan perubatan dan lain-lain perbelanjaan | 20,000* | 200,000* | 300,000* |
| 2. Rawatan selepas penghospitalan sehingga 30 hari | 30,000* | 30,000* | 30,000* |
| 3. Penjagaan kanak-kanak | N/A | 5,000* | 7,500* |
| 4. Penjagaan / Lawatan Ehsan | 1,000* | 5,000* | 7,500* |
| 5. Tunai Harian Hospital sehingga 30 hari | 200 satu hari | 250 satu hari | 250 satu hari |
| 6. Tunai Harian hospital kecemasan sehingga 30 hari | N/A | 250 satu hari | 250 satu hari |
| 7. Rawatan Alternatif | 250* | 500* | 1,000* |
| **SEKSYEN 3 – Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Pulang Mayat** | | | |
| 1. a) Pemindahan Perubatan Kecemasan<br>b) Penghantaran Pulang Kecemasan | 1,000,000* | 5,000,000* | 10,000,000* |
| 2. Perbelanjaan Pengkebumian | 5,000* | 5,000* | 5,000* |
| **SEKSYEN 4 – Bagasi dan Barang-barang Peribadi** | | | |
| 1. Bagasi dan Barang-barang Peribadi | 1,000* | 5,000* | 7,500* |
| 2. Kerosakan atau kehilangan Komputer Riba | N/A | 1,000* | 1,000* |
| Pembayaran balik untuk sebarang kehilangan atau kerosakan kepada bagasi dan barang-barang dan barang-barang persendirian Pihank Diinsuranskan akibat kecurian, rompakan, diragut atau kecuaian pihak pengangkutan. (Pembayaran maksima untuk setiap perkara adalah RM500 kecuali pembayaran untuk computer riba sehingga RM1,000) | | | |
| **SEKSYEN 5 – Kelewatan Bagasi** | | | |
| Bayaran RM200 untuk setiap enam (6) jam berterusan sekiranya bagasi yang didaftarkan tertangguh ketibaannya. | 600<br>(200 setiap 6 jam) | 800<br>(200 setiap 6 jam) | 1,000<br>(200 setiap 6 jam) |
| **SEKSYEN 6 – Wang Peribadi** | | | |
| Membayar kehilangan wang **Anda** akibat kecurian, rompakan atau diragut. | N/A | 500* | 1,000* |
| **SEKSYEN 7 – Dokumen Perjalanan** | | | |
| Membayar balik perbelanjaan tambahan untuk mengganti semula passport/visa, kemudahan, komunikasi dan pengangkutan akibat kecurian, rompakan atau diragut. | N/A | 5,000* | 7,500* |
| **SEKSYEN 8 – Pembatalan Perjalanan** | | | |
| Membayar balik perbelanjaan untuk **Perjalanan** dan kemudahan penginapan yang telah dibayar terlebih dahulu sebelum tempoh berlepas sekiranya **Perjalanan Anda** dibatalkan atas sebab-sebab yang dibenarkan. | 2,000* | 20,000* | 30,000* |
| **SEKSYEN 9 – Pemendekkan Perjalanan** | | | |
| Membayar balik kos **Perjalanan** yang tidak diguna pakai dan bahagian tidak akan dikembalikan yang telah dibayar terlebih dahulu dan tambahan kos **Perjalanan** atau perbelanjaan penginapan yang berlaku sekiranya **Perjalanan Anda** dipendekkan atas sebab-sebab yang dibenarkan. | N/A | 20,000* | 30,000* |
| **SEKSYEN 10 – Penanguhan Perjalanan** | | | |
| Bayaran RM200 untuk setiap enam (6) jam yang berterusan akibat penanguhan **Perjalanan** dari waktu yang dijadualkan. | 1,000<br>(200 setiap 6 jam) | 3,600<br>(200 setiap 6 jam) | 5,000<br>(200 setiap 6 jam) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | |
| **SEKSYEN 11 – Terlepas Perjalanan**<br>Membayar **Perjalanan** tambahan untuk penginapan dan **Perjalanan** akibat kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam membawa **Anda** ke tempat berlepas, lapangan terbang, stesen kereta api pada masa perlepasan yang dijadualkan. | 1,000* | 2,000* | 3,000* |
| **SEKSYEN 12 – Liabiliti Peribadi**<br>Membayar ganti rugi sekiranya **Anda** telah menyebabkan kematian atau kecederaan anggota badan atau kerosakan harta benda pihak orang ketiga. | 1,000,000* | 1,000,000* | 1,000,000* |
| **SEKSYEN 13 – Kesulitan Akibat Rampasan (Maksima sehingga RM3,000)**<br>Bayaran sebanyak RM1,000 untuk setiap dua puluh empat (24) jam yang berterusan jika kenderaan berjadual yang dinaiki oleh **Anda** dirampas. | 1,000 untuk setiap 24 jam | 1,000 untuk setiap 24 jam | 1,000 untuk setiap 24 jam |
| **SEKSYEN 14 – Penerbangan Lebih Tempahan**<br>Membayar RM500 untuk setiap enam (6) jam berterusan sekiranya pengangkutan **Perjalanan** Pihak Diinsurankan terlebih tempahan dan tiada pengakutan **Perjalanan** alternative dapat disediakan dalam tempoh enam (6) jam berterusan dari waktu perlepasan yang dijadualkan. | N/A | 2,000 (500 setiap 6 jam) | 3,000 (500 setiap 6 jam)) |
| **SEKSYEN 15 – Penangguhan Perjalanan**<br>Bayaran balik kos operasi penempahan semula penerbangan oleh syarikat penerbangan atau ejen **Perjalanan** untuk **Perjalanan** yang berlepas di Malaysia untuk sebab-sebab yang dibenarkan. | N/A | 2,000* | 3,000* |
| **SEKSYEN 16 – Kehilangan Wang Pendahuluan Akibat Kegagalan Ejen Perjalanan**<br>Membayar balik wang pendahuluan atau tambang **Perjalanan** yang telah didahulukan dan tidak dapat dikembalikan akibat kegagalan beroperasi oleh syarikat penerbangan ejen perlancongan yang mengakibatkan penerbangan **Anda** dibatalkan. | 5,000 setiap orang (3 juta setiap syarikat*) | 5,000 setiap orang (3 juta setiap syarikat*) | 5,000 setiap orang (3 juta setiap syarikat*) |
| **SEKSYEN 17 – Perjalanan Tergendala**<br>Pembayaran sekaligus sekiranya **Anda** terlepas **Perjalanan** yang dijadualkan di tempat perlepasan akibat kelewatan tiba pengangkutan **Perjalanan** yang dijadualkan dan tiada pengangkutan lain boleh digunakan dalam tempoh enam (6) jam berterusan dari waktu perlepasan yang telah ditetapkan. | 250 (6 jam) | 500 (6 jam) | 750 (6 jam) |
| **SEKSYEN 18 – Pembayaran Balik Kad Kredit**<br>Pembayaran baki tertunggak kad kredit **Anda** sekiranya **Anda** meninggal dunia atau mengalami hilang upaya kekal akibat kemalangan. | 3,000* | 6,000* | 10,000* |
| **SEKSYEN 19 – Perlindungan Isi Rumah**<br>Pembayaran sekaligus sekiranya berlaku kecurian atau kerosakan ke atas barangan rumah di dalam rumah kediaman **Anda** di Malaysia yang telah ditinggalkan kosong | N/A | 1,000 | 2,000 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| sepanjang tempoh **Perjalanan**. | | | |
| **SEKSYEN 20 – Perkhidmatan Perubatan Kecemasan**<br>Menyediakan **Anda** dengan perkhidmatan perubatan kecemasan oleh Penyedia Bantuan atas dasar rujukan dan pengaturan (kos untuk perkhidmatan yang diberikan ditanggung oleh **Anda**) | Sedia Ada | | |
| **SEKSYEN 21 – Keganasan**<br>Polisi ini diperluaskan untuk melindungi keganasan kecuali serangan pengganas dengan biologi kimia atau nuclear yang menyebabkan kemusnahan besar-besaran atau penglibatan **Anda** secara langsung di dalam tindakan keganasan. | Sedia Ada | | |

## NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan **Anda**.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. **Kami** memastikan aduan **Anda** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, **Kami** ingin membawa kepada perhatian **Anda** bahawa **Anda** boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

## BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Anda** kepada:

**Unit Pengendalian Aduan**
RHB Insurance Berhad
Aras 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Tel: 1300-220-007
Faks: 03-2163 7277
E-mel **:** complaints_unit@rhbinsurance.com.my

**Kami** akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika **Kami** tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.
**Anda** boleh membantu **Kami** untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:
1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

**Unit Pengurusan Aduan**
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel **:** enquiry@ofs.org.my
Laman Web : www.ofs.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi **Kami**, **Anda** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika **Anda** tidak menerima keputusan tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas **Kami** atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan **Kami** secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi **Polisi Anda** kepada:

**BNMTELELINK**
Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300-88-5465 (LINK)
Faks: 03-2174 1515
E-mel **:** bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman Web : www.insuranceinfo.com.my

| HEAD OFFICE / IBU PEJABAT | CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE / KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN | CALL CENTRE / PUSAT PANGGILAN |
|---|---|---|
| Level 12, West Wing, The Icon,<br>No.1, Jalan 1/68F,<br>Jalan Tun Razak,<br>55000 Kuala Lumpur<br>Tel : 03 - 2180 3000 Fax : 03 - 9281 2729<br>Website : www.rhbgroup.com/insurance | Level 1, Tower Three, RHB Centre,<br>Jalan Tun Razak,<br>50400 Kuala Lumpur<br>Tel : 1300-220-007 Fax : 03 – 2163 7277<br>Email : rhbi.general@rhbgroup.com | Claims Inquiries : 03 - 2180 3030 |
| **Assistance Provider/ Penyedia Bantuan** | | |
| 24 Hours Hotline: 03-7965 3833 | | |